

PRINSIP PERAKAUNAN SPM

KOLEKSI SOALAN TOPIKAL ANEKA PILIHAN SPM 2007 - 2017

TINGKATAN 4

Mengandungi soalan sebenar SPM
yang telah dikemaskini / diubahsuai
mengikut KSSM

E-Book Percuma!!!

NAMA:

KELAS:

SEKOLAH:

MODUL 1 - PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN

1. Urus niaga yang berikut berlaku dalam perniagaan Aii Lee Book Store.

Pemilik telah mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri.

Urus niaga tersebut direkodkan sebagai ambilan dalam buku perniagaannya. Apakah konsep yang digunakan?

- A Prinsip kos
- B Ketekalan
- C Tempoh perakaunan
- D Entiti berasingan

SPM 2007

2. Rajah 1 adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Rajah 1

Apakah P?

- A Lejar
- B Jurnal
- C Buku Tunai
- D Imbangan Duga

SPM 2007

3. Berikut ialah ciri organisasi perniagaan.

	Ciri	Milikan Tunggal	Perkongsian	Syarikat Berhad
I	Bilangan ahli	1 orang	2 hingga 20 orang	Minimum 1 orang
II	Penubuhan	Mudah	Sukar	Mudah
III	Tanggungjawab	Terhad	Tidak terhad	Terhad
IV	Pendaftaran	Akta Pendaftaran Perniagaan	Akta Perkongsian 1961	Akta Syarikat 2016

Maklumat yang manakah benar?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Ubahsuai SPM 2008

4. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan kepunyaan Encik Johan.

'Encik Johan merekodkan yuran tuisyen anaknya berjumlah RM150 ke dalam buku akaun perniagaan.'

Apakah konsep perakaunan yang gagal beliau patuhi?

- A Pengiktirafan hasil dan belanja
- B Tempoh perakaunan
- C Entiti berasingan
- D Wang sebagai ukuran


SPM 2008

5. Pilih padanan ciri organisasi perniagaan yang **tidak** benar.

	Ciri	Perkongsian	Syarikat Berhad
A	Liabiliti	Terhad	Tidak terhad
B	Modal	Sumbangan rakan kongsi	Pelaburan pemegang saham
C	Percukaian	Cukai pendapatan perseorangan	Cukai pendapatan syarikat
D	Pembahagian keuntungan	Berdasarkan Ikatan Perkongsian	Berdasarkan kadar dividen

SPM 2009

6. Rajah 1 menunjukkan Kitaran Perakaunan yang tidak lengkap.



Rajah 1

Apakah Q?

- A Pelarasan
- B Imbangan Duga
- C Penyata Kewangan
- D Imbangan Duga Terlaras

SPM 2009

7. Pada tahun kewangan 2009, Kedai Buku Ali masih merekod komputer pejabat pada harga belian iaitu RM3 000 walaupun harga pasaran ialah RM1 800.

Apakah konsep perakaunan yang terlibat?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Tempoh perakaunan
- D Wang sebagai ukuran

SPM 2010

8. Pernyataan manakah yang merupakan ciri sebuah milikan tunggal?

- A Liabiliti pemilik terhad
- B Modal disumbangkan oleh pemilik
- C Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pemilik dan ahlinya
- D Dikenakan cukai atas pendapatan perniagaan

SPM 2011

9. Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu urus niaga.

Akaun Tunai			
		2011	RM
	Mac 10	Kenderaan	30 000
Akaun Kenderaan			
2011			RM
Mac 10	Tunai		30 000

Prinsip manakah yang diamalkan?

- A Usaha berterusan
 - B Pengiktirafan hasil dan belanja
 - C Wang sebagai ukuran
 - D Ketekalan
10. Siapakah yang menjadi pengguna dalaman penyata kewangan?
- A Bank
 - B Akaun Belum Bayar
 - C Pengurusan
 - D Pesaing perniagaan

Ubahsuai - SPM 2011

SPM 2012

11. Perniagaan Rizky telah merekodkan kadar bayaran RM1 900 dalam penyata kewangan perniagaan termasuk kadar bayaran belum dijelaskan sebanyak RM300. Apakah konsep perakaunan yang dipatuhi?

- A Wang sebagai ukuran
- B Usaha Berterusan
- C Prinsip Kos
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

Ubahsuai SPM 2014

12. Encik Zain seorang peniaga, telah merekodkan ambilan barang niaga yang telah digunakan oleh keluarganya sebagai ambilan.

Apakah prinsip perakaunan yang telah diamalkan oleh Encik Zain?

- A Ketekalan
- B Prinsip Kos
- C Entiti berasingan
- D Usaha berterusan

SPM 2015

13. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Encik Basiron.





Encik Basiron menggunakan kaedah garis lurus untuk mengira susut nilai kenderaan bagi setiap tempoh perakaunan.

Apakah konsep yang diamalkan oleh perniagaan Encik Basiron?

- A Tempoh perakaunan
- B Ketekalan
- C Prinsip kos
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

Ubahsuai SPM 2016

14. Antara yang berikut, yang manakah merupakan sebahagian daripada kitaran perakaunan yang betul?



SPM 2012

15. Pernyataan manakah menerangkan ciri yang betul bagi Klinik Dr. Shoaib dan Rakan-rakan?

- A Liabiliti tidak terhad
- B Bilangan minimum ahli 50 orang
- C Agihan keuntungan dalam bentuk dividen
- D Sumber modal daripada penjualan saham

SPM 2017

MODUL 2 - KLASIFIKASI AKAUN DAN PERSAMAAN PERAKAUNAN

1. Kumpulan item yang manakah **aset bukan semasa**?

- A Sewa premis prabayar, gaji prabayar,engkapan
- B Bangunan, tanah, sewa belum terima
- C Perabot, tunai, Akaun Belum Terima
- D Mesin, kenderaan, premis

SPM 2007

2. Pada akhir tempoh perakaunan, buku Perniagaan Ikram Enterprise menunjukkan baki-baki berikut:

	RM
Aset	50 000
Liabiliti	17 590

Berapakah modal awal perniagaan jika Perniagaan Ikram Enterprise mengalami kerugian sebanyak RM5 950?

- A RM23 540
- B RM26 460
- C RM32 410
- D RM38 360

SPM 2007

3. Pemilik Kedai Runcit Azak telah membawa masuk komputer peribadinya dalam perniagaan. Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah

SPM 2007

4. Manakah merupakan aset semasa perniagaan?

- A Sewa belum bayar
- B Insurans prabayar
- C Kadar bayaran belum bayar
- D Komisen belum terperoleh

SPM 2008

5. Inventori pada harga kos RM2 560 dijual secara kredit sebanyak RM5 460. Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas aset dan ekuiti pemilik?

	Aset		Ekuiti Pemilik
	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	Berkurang	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Bertambah	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah	Berkurang

SPM 2008

6. Berikut adalah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik bagi Perniagaan Sri Medan pada 31 Disember 2007.

	RM
Modal pada 1 Jan. 2007	20 000
Alatan pejabat	8 000
Kenderaan	15 000
Akaun Belum Terima	2 500
Akaun Belum Bayar	2 600
Inventori pada 31 Dis. 2007	1 800
Bank	3 300
Untung bersih	8 000

Berapakah aset bukan semasa bagi perniagaan tersebut?

- A RM7 600
 B RM8 400
 C RM23 000
 D RM30 600
7. Puan Rohani pemilik Kedai Buku Jaya telah memulangkan enam buah buku matematik kepada pembekal kerana rosak.

Apakah kesan urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan Puan Rohani?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
B	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang

SPM 2009

8. Maklumat berikut diperolehi daripada buku sebuah perniagaan.

Kedai Perabot Ceria menjual almari bernilai RM2 800 dengan harga RM3 500 secara kredit kepada pelanggan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	(2 800)	3 500	700
B	3 500	(700)	2 800
C	2 800	700	3 500
D	2 800	(3 500)	(700)

SPM 2009

9. Kumpulan item manakah yang merupakan **aset semasa**?

- A Komisen belum terperoleh, inventori, tunai
 B Kadar bayaran belum bayar, bank, Akaun Belum Terima
 C Sewa belum terima, Akaun Belum Bayar, gaji prabayar
 D Insurans prabayar, Akaun Belum Terima, komisen belum terima

SPM 2010

10. Apakah hasil operasi bagi sebuah kedai menjual perabot?
- A Faedah atas simpanan
 - B Penerimaan wang sewa ruang niaga
 - C Untung jualan alat pendingin hawa
 - D Jualan set bilik tidur pengantin

SPM 2010

11. Penyata Kedudukan Kewangan berikut tidak disediakan dengan betul.

NAS Enterprise			
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2009			
	RM		RM
Premis	18 000	Modal	36 800
Perabot	4 000	Akaun Belum Bayar	14 000
Inventori akhir	20 000		
Akaun Belum Terima	5 500		
Overdraf	2 800		
Tunai	500		
	50 800		50 800

Berapakah jumlah modal akhir jika Penyata Kedudukan Kewangan itu disediakan semula?

- A RM22 800
 - B RM31 200
 - C RM36 800
 - D RM48 000
12. Urus niaga berikut telah berlaku dalam perniagaan Kedai Buku Amal.
Encik Amal membayar kepada Pembekal Buku Nikmat RM8 500 dengan cek. Beliau menerima diskaun tunai sebanyak RM200.

SPM 2010

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
A	(8 500)	(8 700)	200
B	8 700	8 500	200
C	8 500	8 700	(200)
D	(8 500)	(8 300)	(200)

SPM 2010

13. Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri **aset bukan semasa**?
- A Mudah ditukar menjadi tunai
 - B Dimiliki untuk tujuan dijual semula
 - C Boleh digunakan untuk jangka masa panjang
 - D Boleh digunakan untuk tempoh masa yang pendek

SPM 2010

14. Butiran manakah yang merupakan belanja operasi perniagaan?
- A Rugi atas jualan aset bukan semasa
 - B Faedah pinjaman bank
 - C Insurans peribadi
 - D Promosi

SPM 2011

15. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Kerisik.

	RM
Aset bukan semasa	10 000
Aset semasa	6 980
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	580

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A RM10 400
 B RM11 560
 C RM22 400
 D RM23 560
16. Tahun kewangan Kedai Runcit Amiruddin berakhir pada 31 Mei 2011. Data berikut diperoleh daripada buku perniagaannya.

	RM
Kenderaan	15 000
Tunai	4 500
Bank (overdraf)	1 750
Akaun Belum Bayar	2 050
Akaun Belum Terima	3 550

Berapakah modal pada tarikh 31 Mei 2011?

- A RM16 250
 B RM19 250
 C RM19 750
 D RM22 750
17. Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperoleh daripada perniagaan Kedai Buku Aziz.

Membayar hutang kepada Pembekal Buku Sinar RM8 500 dengan cek dan menerima diskaun RM200.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Hasil
A	Berkurang RM8 500	Berkurang RM8 700	Bertambah RM200
B	Bertambah RM8 300	Bertambah RM8 500	Bertambah RM200
C	Bertambah RM8 500	Bertambah RM8 700	Berkurang RM200
D	Berkurang RM8 300	Berkurang RM8 500	Berkurang RM200

SPM 2012

18. Antara yang berikut, yang manakah liabiliti semasa?

- I Dividen belum terima
 II Komisen belum terperoleh
 III Kadar bayaran belum bayar
 IV Insurans prabayar

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SPM 2012

19. Urus niaga manakah yang akan menambahkan jumlah ekuiti pemilik?
- A Menerima diskaun RM400
 - B Membayar sewa kedai RM700
 - C Membeli perabot secara kredit RM500
 - D Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga RM150

SPM 2012

20. Padanan manakah yang betul?

	Catatan Kontra	Akaun Berkaitan
A	Peruntukan Hutang Ragu	Akaun Belum Bayar
B	Pulangan Keluar	Jualan
C	Pulangan Masuk	Belian
D	Ambilan	Modal

Ubahsuai - SPM 2013

21. Manakah merupakan Catatan Kontra?

- A Belian
- B Jualan
- C Inventori akhir
- D Pulangan keluar

Ubahsuai SPM 2014

22. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Waris.

	RM
Untung bersih	3 675
Modal awal	32 000
Aset	58 916

Berapakah liabiliti Perniagaan Waris?

- A RM23 241
- B RM26 916
- C RM30 591
- D RM35 675

SPM 2014

23. Berikut merupakan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperolehi daripada Kedai Alat Tulis Rejang.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
RM	RM	RM
-350	-400	+50

Pernyataan manakah yang menunjukkan urus niaga di atas?

- A Menjelaskan hutang bernilai RM400 dengan cek RM350, diskaun diterima RM50
- B Menerima bayaran bernilai RM350 daripada Akaun Belum Terima, diskaun diberi RM50
- C Sebuah mesin taip bernilai RM400 dijual secara kredit pada harga RM350
- D Inventori alat tulis bernilai RM350 dijual secara kredit pada harga RM400

SPM 2016

24. Nilai manakah yang menepati persamaan perakaunan?

	Liabiliti RM	Aset RM	Modal RM
A	2 000	8 000	10 000
B	11 000	5 000	6 000
C	4 000	12 000	16 000
D	4 000	16 000	12 000

SPM 2017

25. Pada akhir tempoh perakaunan, buku perniagaan Tuah Mini Market mempunyai baki seperti berikut:

	RM
Aset	50 000
Liabiliti	19 350

Berapakah modal awal jika perniagaan Tuah Mini Market mengalami kerugian sebanyak RM6 630?

- A** RM24 020
- B** RM30 650
- C** RM37 280
- D** RM62 720

SPM 2017

MODUL 3 - DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT


1. Apakah dokumen yang digunakan untuk membetulkan sebarang kesilapan dan ketinggalan yang berlaku dalam invoice?

I Makluman Debit
 II Nota Kredit
 III Nota Debit
 IV Resit

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SPM 2007

2. Aliran dokumen berikut berlaku dalam urus niaga tunai.



Apakah G?

- A Memo
 B Resit
 C Keratan cek
 D Penyata akaun

SPM 2010

3. Pada 30 Julai 2011, Puan Sue membeli barang niaga berharga RM600 secara kredit dengan syarat 15% 10 hari; 10% 15 hari.

Berapakah jumlah hutang yang perlu dibayar pada 10 Ogos 2011?

- A RM450
 B RM510
 C RM540
 D RM600

SPM 2011

4. Apakah tujuan diskaun niaga diberikan?

- A Menggalakkan pelanggan membeli secara tunai
 B Mendorong pelanggan membeli barang secara pukal
 C Mengelakkan berlaku hutang lapuk dalam perniagaan
 D Meningkatkan jualan kerana diberikan kepada semua pelanggan

SPM 2011

5. Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Amin Enterprise.

Pemilik menghantar dokumen kepada pelanggannya untuk mengenakan bayaran tambahan bagi pengangkutan.

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota debit
 B Nota kredit
 C Makluman debit
 D Makluman kredit

SPM 2013

6. Dokumen 1 diterima oleh Puan Mahani.

ASAL	No. : 2171															
<p>INVOIS SURIA BERHAD Lot 10, Jalan Santan 01000 Kangar, Perlis</p> <p>Tel.: 04-9771028</p> <p style="text-align: right;">Tarikh: 8 Mei 2012</p>																
Kepada Puan Mahani 12 Jalan Seri 2 Taman Seri 44300 Batang Kali Selangor																
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">Bil.</th> <th style="width: 35%;">Butir</th> <th style="width: 10%;">Kuantiti</th> <th style="width: 20%;">Harga Sekotak</th> <th style="width: 30%;">Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Mempelam Harum Manis</td> <td style="text-align: center;">100</td> <td style="text-align: center;">RM 94.00</td> <td style="text-align: center;">RM 9 400.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Jumlah</td> <td style="text-align: center;">9 400.00</td> </tr> </tbody> </table>	Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Sekotak	Jumlah	1	Mempelam Harum Manis	100	RM 94.00	RM 9 400.00	Jumlah				9 400.00	
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Sekotak	Jumlah												
1	Mempelam Harum Manis	100	RM 94.00	RM 9 400.00												
Jumlah				9 400.00												
(Ringgit Malaysia: Sembilan ribu empat ratus sahaja)																
Syarat : 5 % 7 hari, 2 % 14 hari, 30 hari Serahan : Angkutan dibayar K. & K. di K																
Mahani Penerima	Suri Pengurus															

Dokumen 1

Berapakah diskaun tunai yang diperoleh sekiranya pembayaran dibuat pada 12 Mei 2012?

- A RM188
- B RM282
- C RM470
- D RM658

SPM 2012

7. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai

					Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
					2012 Feb. 6	Real Smart Store	RM	RM 200	RM

Dokumen manakah yang digunakan sebagai sumber catatan bagi urus niaga tersebut?

- A Slip daftar tunai
- B Keratan cek
- C Bil tunai
- D Resit

SPM 2012

8. Bajrai Enterprise menjalankan urus niaga secara kredit dengan Syarikat Melor.

Aliran dokumen manakah yang berlaku dalam urus niaga tersebut?

- A Katalog ---► Invois ---► Borang Pesanan ---► Resit
- B Borang Pesanan ---► Invois ---► Katalog ---► Resit
- C Borang Pesanan ---► Katalog ---► Resit ---► Invois
- D Katalog ---► Borang Pesanan ---► Invois ---► Resit

SPM 2013

9. Encik Sunni, pemilik perniagaan Sunni Enterprise membeli rak pameran secara kredit bernilai RM3 000 untuk kegunaan perniagaan.

Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga tersebut?

- A Cek
- B Resit
- C Invois
- D Bil tunai

SPM 2013

10. Puan Aimy seorang pembekal alat tulis telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggannya bersama dengan nota serahan dan invois. Selepas beberapa hari kemudian beliau mendapati bahawa invois tersebut telah terkurang caj. Dokumen manakah yang perlu dihantar oleh Puan Aimy kepada pelanggannya untuk membetulkan invois tersebut?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

SPM 2014

11. Pernyataan manakah benar berkaitan diskaun niaga?

- A Galakan pembelian dalam kuantiti yang banyak
- B Potongan daripada harga bersih dalam invois
- C Galakan pembayaran hutang dengan segera
- D Potongan daripada jumlah hutang

SPM 2014

12. Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga yang berlaku di kedai Kemudi Timur Elektronik Sdn. Bhd.

Pengurus Perniagaan telah mengambil dan memasang dua unit alat pendingin hawa yang berkos RM1 100 seunit di pejabat kedai.

Apakah dokumen yang digunakan?


- A Resit
- B Invois
- C Memo
- D Nota Debit

SPM 2015

13. Situasi berikut berlaku dalam Perniagaan Ahmad.

Encik Ahmad telah menghantar e-mel kepada Pembekal Cerdik Komputer untuk membeli dua buah komputer bagi tujuan kegunaan pejabat secara kredit.

Pilih aliran dokumen yang betul.



SPM 2016

14. Antara yang berikut, yang manakah sebab makluman kredit dikeluarkan?

- I Faedah simpanan tetap
- II Dividen atas pelaburan
- III Faedah atas overdraf
- IV Caj bank

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2016

15. Dokumen manakah merupakan sumber untuk merekodkan Jurnal Penerimaan Tunai?

- A Invois
- B Nota Debit
- C Nota Kredit
- D Resit Rasmi

SPM 2017

16. Kedai Alatan Elektrik Nordin telah membeli barang berikut secara kredit pada 15 April 2017.

	RM
30 unit kipas siling berharga RM120 seunit	3 600
50 unit cerek berharga RM60 seunit	3 000
Jumlah	6 600
Diskaun niaga: 20%	
Diskaun tunai: 10% 15 hari	

Berapakah jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kedai Alatan Elektrik Nordin jika pembayaran dibuat pada 25 April 2017?

- A RM4 620
- B RM4 752
- C RM5 280
- D RM5 940

SPM 2017

MODUL 4 - BUKU CATATAN PERTAMA

1. Kedai Haiwan Kesayangan Arina menerima invoice daripada Farmasi Penawar bernilai RM2 800 pada 30 Ogos 2007. Invoice ini adalah untuk ubat-ubatan haiwan yang telah diterima oleh kedai itu seminggu sebelum tarikh berkenaan.

Buku catatan pertama yang manakah digunakan untuk merekod butiran invoice tersebut?

- A Jurnal Am
- B Buku Tunai
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Jualan

SPM 2007

2. Urus niaga yang manakah **tidak** dicatat dalam Jurnal Am?

- A Membeli rak secara kredit
- B Mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan peribadi
- C Memasukkan perabot peribadi ke dalam perniagaan
- D Memindahkan akaun hasil dan belanja ke akaun penamat

SPM 2007

3. Urus niaga yang manakah direkod dalam buku tunai runcit?

- A Pembayaran sewa kedai secara tunai
- B Penerimaan tunai daripada Akaun Belum Terima
- C Pembelian perabot secara tunai
- D Pembelian setem secara tunai

SPM 2007

4. Dialog berikut berlaku di antara Cik Judy dengan Puan Azura mengenai dokumen perniagaan.

Judy : Puan Azura, invoice yang syarikat kami hantar semalam telah tertinggal caj angkutan.

Azura : Ya ke? Cik Judy nak betulkan dalam invoice itu ke?

Judy : Tak perlu. Kami akan hantar satu dokumen untuk menambahkan jumlah bayaran yang terkurang caj dalam invoice itu.

Apakah dokumen yang akan dihantar oleh Cik Judy?

- A Makluman debit
- B Makluman kredit
- C Nota debit
- D Nota kredit

SPM 2008

5. Urus niaga yang manakah direkod dalam Buku Tunai sebelah kredit?

- I Menerima bayaran daripada Akaun Belum Terima
- II Menjelaskan hutang kepada pembekal
- III Mengambil wang perniagaan untuk kegunaan peribadi
- IV Membawa masuk wang peribadi ke dalam perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2008

6. Kedai Perabot Boon Hwa menjual van terpakai secara kredit kepada Makmur Catering. Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?
- A Jurnal Am
 - B Buku Tunai
 - C Jurnal Jualan
 - D Jurnal Pulangan Jualan

SPM 2008

7. Data berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

		RM
1 Jan. 2007	Jumlah penerimaan	200
1 Jan. – 31 Jan. 2007	Jumlah pembayaran	170
1 Feb. 2007	Baki akhir	30

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM30
 - B RM170
 - C RM200
 - D RM370
8. Dokumen berikut diterima oleh Cik Ani seorang kerani akaun.

SPM 2008

MEMO	
Kedai Perabot Siti Murni	
Tarikh: 7 Mac 2008	
Peringatan:	
Pemilik (Siti Murni) telah mengeluarkan sebuah meja dan kerusi untuk kegunaan anaknya bernilai RM180.00 (Ringgit Malaysia: Seratus lapan puluh sahaja)	
<i>Siti</i>	
Pengurus	

Bagaimanakah urus niaga tersebut dicatatkan dalam Jurnal Am?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Perabot
B	Perabot	Belian
C	Perabot	Ambilan
D	Ambilan	Belian

SPM 2009

9. Petikan Buku Tunai berikut diperolehi daripada Kedai Buku Mas.

Buku Tunai									
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM
					Jan. 11	M			3 000

Apakah **M**?

- A Modal
- B Jualan
- C Belian
- D Dividen

SPM 2009

10. Perbualan berikut berlaku antara peniaga dengan pekerjaanya.



Apakah buku catatan pertama yang terlibat dalam urus niaga yang dinyatakan?

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Jurnal Pulangan Belian
- D Jurnal Pulangan Jualan

SPM 2009

11. Pada 5 Januari 2010, Kedai Alat Tulis Suhana membeli perabot secara kredit bernilai RM2 600 daripada Kedai Perabot Tania.

Bagaimanakah urus niaga ini dicatat dalam buku akaun Kedai Alat Tulis Suhana?

A **Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010 Jan. 5	Belian Perabot	RM 2 600	RM 2 600

B **Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010 Jan. 5	Belian Kedai Perabot Tania	RM 2 600	RM 2 600

C **Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010 Jan. 5	Perabot Belian	RM 2 600	RM 2 600

D **Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2010 Jan. 5	Perabot Kedai Perabot Tania	RM 2 600	RM 2 600

SPM 2010

12. Antara yang berikut, urus niaga manakah yang direkod dalam Buku Tunai?

- I Bayar gaji
- II Ambil barang niaga
- III Beli perabot dengan cek
- IV Beli mesin secara kredit

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

SPM 2010

13. Buku Tunai Runcit berikut diperoleh daripada Perniagaan Melor.

Tarikh	Butir	Folio	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Pembayaran	
					Alat tulis	Tambang
2009			RM	RM		
Jan. 1	Bank		200			
13	Kertas taip			60	60	
20	Tambang teksis			36		36
			200	96	60	36
31	Baki	h/b		104		
			200	200		

Berapakah bayaran balik yang diterima daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM96
- B RM104
- C RM192
- D RM200

SPM 2010

14. Rekod urus niaga di dalam buku catatan pertama dibuat berdasarkan dokumen sumber. Pilih padanan yang tepat.

	Buku Catatan Pertama	Dokumen Sumber
A	Jurnal Pulangan Jualan	Nota Debit (Asal)
B	Jurnal Pulangan Belian	Nota Kredit (Asal)
C	Jurnal Jualan	Invois (Asal)
D	Jurnal Belian	Invois (Salinan)

SPM 2011

15. Jurnal Belian berikut diperoleh daripada Kedai Manja pada 31 Januari 2012.

Jurnal Belian		
Tarikh	Butir	Jumlah
2012		RM
Jan. 4	Adik Enterprise	1 450
21	Syarikat Tan Sdn. Bhd.	3 700
31	X	5 150

Apakah X?

- A Akaun Belian
- B Jumlah Belian
- C Akaun Belum Bayar
- D Jumlah Jurnal Belian

SPM 2012

16. Dokumen 2 menunjukkan urus niaga yang akan dicatat dalam Jurnal Am Kedai Elektrik Muslimat.

ASAL	No. : 0020			
<p>INVOIS Syarikat Perabot Usop 12, Jalan Zabedah 83000 Batu Pahat Tel:07-4326884</p>				
Tarikh: 6 Mac 2012				
Kepada Kedai Elektrik Muslimat 20, Jalan Besar Seri Medan 83400 Batu Pahat, Johor				
Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit	Jumlah
1	Meja tulis	1	RM 400.00	RM 400.00
Tolak: Diskaun niaga				400.00 -
Jumlah				400.00
(Ringgit Malaysia: Empat ratus sahaja) Syarat : 5 % 10 hari, 2 % 20 hari K. & K. di K <div style="display: flex; justify-content: space-between;"> Ani Penerima Usop Pengurus </div>				

Dokumen 2

Catatan dalam Jurnal Am manakah yang betul?

A

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012 Mac 6	Belian Syarikat Perabot Usop	RM 400	RM 400

B

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012 Mac 6	Perabot Syarikat Perabot Usop	RM 400	RM 400

C

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012 Mac 6	Syarikat Perabot Usop Belian	RM 400	RM 400

D Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012 Mac 6	Syarikat Perabot Usop Perabot	RM 400	RM 400

SPM 2012

17. Butiran manakah yang akan dicatat dalam lajur belanja am di Buku Tunai Runcit?

- I Gaji kerani
- II Alatan pejabat
- III Minuman pelanggan
- IV Sabun pencuci pinggan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2012

18. Dokumen 1 diterima oleh Kedai Buku Husni.

MAKLUMAN KREDIT	
MB Bank 10 Jalan Rahmat 83000 Batu Pahat Johor	Tarikh: 20 April 2014
Kepada Kedai Buku Husni No 43 Jalan Kluang 83000 Batu Pahat	No. Akaun: 0707-88754-04
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:	
Ringgit Malaysia : Dua ratus lapan puluh sahaja Perkara : Faedah atas simpanan tetap	
<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 2px 10px;">RM280.00</div>	
.....Mak..... Pengurus	

Dokumen 1

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

- A Debit ruangan bank RM280
- B Debit ruangan tunai RM280
- C Kredit ruangan bank RM280
- D Kredit ruangan tunai RM280

SPM 2014

19. Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?
- A Merekod belanja kecil
 - B Mengawal wang masuk dan wang keluar
 - C Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
 - D Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan

SPM 2013

20. Urus niaga manakah yang direkodkan dalam jurnal khas?
- I Membeli barang niaga secara kredit
 - II Memulangkan barang niaga yang rosak
 - III Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
 - IV Membeli barang niaga secara tunai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2013

21. Kedai Ameerul memberikan maklumat seperti berikut:

2007		RM
Jan. 15	Membeli barang niaga daripada Ahmad secara kredit	3 000
31	Menjelaskan hutang kepada Ahmad dengan cek	2 750
	Menerima diskaun	250

Bagaimanakah urus niaga pada 31 Januari 2007 dicatatkan dalam Buku Tunai?

A

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2007		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM	
Jan. 31	Ahmad	250		3 000						

B

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2007		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM	
Jan. 31	Ahmad	250		2 750						

C

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2007		RM	RM	RM	2007		RM	RM	RM	
					Jan. 31	Ahmad	250		3 000	

D

Dt					Buku Tunai					Kt
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2007					2007		RM	RM	RM	
					Jan. 31	Ahmad	250		2 750	

SPM 2008

22. Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit Maju bagi bulan Julai 2014.

	RM
Jumlah penerimaan	300
Jumlah pembayaran	275
Baki akhir bulan	25

Berapakah jumlah wang yang dibayar balik mengikut Sistem Panjar?

- A RM25
- B RM275
- C RM300
- D RM575

SPM 2014

23. Urus niaga manakah merupakan catatan kontra dalam Buku Tunai?

- A Mengeluarkan tunai untuk kegunaan keluarga
- B Mengeluarkan tunai untuk menjelaskan hutang
- C Memindahkan tunai perniagaan ke dalam bank
- D Memindahkan tunai peribadi ke dalam perniagaan

SPM 2012

24. Maklumat apakah yang dicatat di lajur butir dalam Jurnal Belian?

- A Nama pemilik
- B Nama Akaun Belum Bayar
- C Nama Akaun Belum Terima
- D Nama barang niaga

SPM 2015

25. Jurnal Pulangan Jualan berikut diambil daripada buku perniagaan seorang peniaga.

Tarikh	Butir	Jumlah
2015		RM
Julai 10	Perniagaan Amir	100
20	Perniagaan Udin	150
31	Z	250

Apakah butir Z?

- A Akaun Jualan
- B Akaun Belum Terima
- C Akaun Pulangan Jualan
- D Jumlah Jurnal Pulangan Jualan

SPM 2015

26. Pasangan manakah yang betul untuk merekod urus niaga dalam buku catatan pertama?

	Urus Niaga	Buku Catatan Pertama
A	Terima invoice kerana pembelian perabot kedai	Jurnal Am
B	Keluar nota kredit kerana harga barang niaga terkurang caj dalam invoice	Jurnal Belian
C	Terima nota kredit kerana pemulangan barang niaga yang rosak	Jurnal Pulangan Jualan
D	Terima invoice daripada pembekal barang niaga	Jurnal Jualan

SPM 2017

27. Dokumen 1 berkaitan dengan urus niaga tunai yang berlaku antara Rajan Store dengan pelanggan.

SALINAN	RS 0143
RESIT RASMI	
Rajan Store 16 Jalan Sudirman 28400 Temerloh	
Tarikh: 15 Jun 2015	
Diterima daripada : Kedai Ani	
Ringgit Malaysia : Seribu enam ratus lima puluh sahaja. (Diskaun RM50)	
Untuk bayaran : Bayaran sebahagian invoice no. 02755	
RM1 650	Rajan
Tunai / Cek : 1800123	Pengurus

Dokumen 1

Catatan manakah yang betul dalam Jurnal Penerimaan Tunai?

Jurnal Penerimaan Tunai

	Tarikh	Akaun/ Perkara	Fol.	No. Resit	Diskaun Diberi	Tunai	Bank	Jualan	Akaun Belum Terima
A	2015 Jun 15	Kedai Ani		0143	RM 50	RM 1 650	RM	RM	RM 1 700
B	Jun 15	Kedai Ani		0143	50		1 650	1 700	
C	Jun 15	Kedai Ani		0143	50		1 650		1 700
D	Jun 15	Kedai Ani		0143	50	1 650		1 700	

SPM 2015

28. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Hani.

MEMO Perniagaan Hani 4, Jalan Mahkota, 20860 Kuantan, Pahang. Tarikh: 4 Julai 2017 Peringatan: Pemilik membawa masuk sebuah rak buku bernilai RM2 000 sebagai modal tambahan perniagaan. <i>Hani</i> Pengurus

Cara perekodan yang tepat ialah

	Tarikh 2017	Butir	Folio	Debit RM	Kredit RM
A	Jul. 4	Modal Perniagaan Hani		2000	2000
B	Jul. 4	Perniagaan Hani Modal		2000	2000
C	Jul. 4	Modal Perabot		2000	2000
D	Jul. 4	Perabot Modal		2000	2000

SPM 2017

29. Antara yang berikut, bayaran manakah yang direkod dalam Buku Tunai Runcit?
- I Setem RM10
 - II Gaji kerani RM350
 - III Minuman pelanggan RM45
 - IV Komputer pejabat RM2 500

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

SPM 2016

30. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Zakiah.

Baki Buku Tunai pada 1 Mei 2015:

	RM
Tunai di tangan	510
Overdraf bank	1 285

Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
		RM	RM			RM	RM
2015				2015			
Mei 18	Jualan	680		Mei 7	Belian		580
20	Tunai		300	20	Bank	300	
				29	Sewa		350

Berapakah baki akhir Buku Tunai Perniagaan Zakiah?

- A Tunai RM380, Bank RM655
- B Tunai RM890, Bank RM655
- C Tunai RM380, Overdraf bank RM1 915
- D Tunai RM890, Overdraf bank RM1 915

SPM 2016

31. Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Sarah.

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2017		RM
Jun 10	Azimah Trading	1 100
24	Amri Enterprise	500
30	P	1 600

Apakah P?

- I Akaun Jualan
- II Jumlah Jualan
- III Akaun Jualan Kredit
- IV Jumlah Jualan Kredit
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

SPM 2017

32. Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Perniagaan Azami.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2017 Jan. 1	Baki b/b	RM	RM	2017 Jan. 15	Rajoo	RM	RM
8	Rajoo		1 250 890				890

Rajoo adalah Akaun Belum Terima kepada Perniagaan Azami.

Urus niaga manakah yang menerangkan catatan pada 15 Januari 2017?

- A Menerima cek daripada Rajoo
- B Cek daripada Rajoo dibatalkan
- C Jualan tunai kepada Rajoo dibankkan
- D Pembayaran kepada Rajoo dengan cek

SPM 2017

33. Urus niaga manakah yang direkod dalam Buku Tunai Runcit?

- I Bayar gaji pekerja
 - II Upah mencuci pejabat
 - III Derma rumah anak yatim
 - IV Belian alat pejabat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SPM 2017

MODUL 5 – LEJAR

1. Pilih catatan bergu yang betul bagi urus niaga Kedai Alat Tulis Berjaya.

	Urus Niaga	Debit	Kredit
I	Jualan perabot secara tunai	Akaun Tunai	Akaun Perabot
II	Ambilan tunai untuk kegunaan sendiri	Akaun Ambilan	Akaun Modal
III	Belian kredit daripada Kedai Maya	Akaun Belian	Kedai Maya
IV	Bayar sewa dengan cek kepada Pak Abu	Pak Abu	Akaun Sewa

- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

SPM 2007

2. Petikan akaun berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

Akaun Kawalan Belum Terima			
2006	RM	2006	RM
Mac 1 Baki b/b	400	Mac 31 Bank	4 750
31 Faedah	100	Diskaun diberi	250
Bank (Cek tak layan)	180	Pulangan jualan	140
		Hutang lapuk	110
		Baki h/b	380

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM380
 B RM680
 C RM4 950
 D RM5 630

SPM 2007

3. Pada 1 Jun 2007, Karina Lim telah memulakan perniagaan runcit dengan memasukkan tunai ke bank sebanyak RM18 000.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Tunai	Akaun Modal
B	Akaun Bank	Akaun Modal
C	Akaun Bank	Akaun Tunai
D	Akaun Modal	Akaun Bank

SPM 2008

4. Catatan yang manakah betul untuk merekod cek tak layan?

	Debit	Kredit
A	Akaun Bank	Akaun Belum Bayar
B	Akaun Belum Bayar	Akaun Bank
C	Akaun Bank	Akaun Belum Terima
D	Akaun Belum Terima	Akaun Bank

SPM 2008

5. Kedai Ahmat mengeluarkan cek RM1 500 kepada Datai Trading dan menerima diskaun tunai RM200.

Catatan yang manakah betul untuk merekod urus niaga tersebut?

A	Datai Trading			
	Bank	RM1 500		
	Akaun Bank			
	Diskaun Diterima	RM200	Datai Trading	RM1 500
Akaun Diskaun Diterima				
		Bank		RM200
B	Datai Trading			
	Bank	RM1 300		
	Diskaun Diterima	200		
	Akaun Bank			
		Datai Trading		RM1 300
Akaun Diskaun Diterima				
		Datai Trading		RM200
C	Datai Trading			
			Bank	RM1 500
			Diskaun Diterima	200
	Akaun Bank			
Datai Trading	RM1 500			
Akaun Diskaun Diterima				
Akaun Belum Bayar	RM200			
D	Datai Trading			
	Bank	RM1 500		
	Diskaun Diterima	200		
	Akaun Bank			
		Datai Trading		RM1 500
Akaun Diskaun Diterima				
		Datai Trading		RM200

SPM 2007

6. Puan Murni telah mengambil barang niaga bernilai RM65 untuk tujuan promosi. Apakah akaun yang dikreditkan?

- A Inventori
- B Belian
- C Ambilan
- D Promosi

SPM 2008

7. Jurnal berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

Jurnal Jualan		
Tarikh	Butir	Jumlah
2007		RM
Mei 9	Encik Shazali	2 750
23	Encik Azley	1 685
31	Akaun Jualan	4 435

Pilih catatan yang betul pada 31 Mei 2007.

A Akaun Jualan		
		RM
	Akaun Belum Bayar	4 435

B Akaun Jualan		
		RM
	Encik Shazali	2 750
	Encik Azley	1 685

C Akaun Jualan		
		RM
	Tunai	4 435

D Akaun Jualan		
		RM
	Akaun Belum Terima	4 435

SPM 2008

8. Petikan akaun berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2007		RM	2007	RM	
Jan. 1	Baki b/b	2 600	Jan. 31	Tunai	5 200
				Diskaun diberi	320
				Baki h/b	2 200

Berapakah jualan kredit?

- A RM2 200
 B RM2 600
 C RM5 120
 D RM7 720

SPM 2008

9. Peniaga membayar sewa kediamannya dengan menggunakan wang perniagaan. Apakah catatan lejar untuk urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Sewa	Akaun Tunai
B	Akaun Tunai	Akaun Sewa
C	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
D	Akaun Sewa	Akaun Modal

SPM 2009

10. Antara yang berikut, yang manakah benar tentang perbezaan Lejar Jualan dengan Lejar Belian?

	Lejar Jualan	Lejar Belian
I	Mengandungi semua akaun hasil	Mengandungi semua akaun belanja
II	Mencatat semua Akaun Belum Terima	Mencatat semua Akaun Belum Bayar
III	Merekod urus niaga jualan kredit	Merekod urus niaga belian kredit
IV	Melibatkan urus niaga jualan tunai	Melibatkan urus niaga belian tunai

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

SPM 2009

11. Petikan berikut diperolehi daripada buku perniagaan Johan Setia Enterprise.

Akaun Kawalan Belum bayar			
2008	RM	2008	RM
Jan. 31 Tunai	5 200	Jan. 1 Baki b/b	2 600
Diskaun diberi	320		
Baki h/b	2 200		

Berapakah belian kredit?

- A RM2 200
 B RM2 600
 C RM5 120
 D RM7 720

SPM 2009

12. Akaun berikut diambil daripada lejar Kedai Chong.

Akaun Bank			
2009	RM		
Mac 15 Syarikat Mawar	320		
Syarikat Mawar			
		2009	RM
		Mac 15 Bank	320

Apakah urus niaga yang berlaku pada 15 Mac 2009?

- A Belian barang niaga daripada Syarikat Mawar RM320
 B Terima cek daripada Syarikat Mawar RM320
 C Jualan barang niaga kepada Syarikat Mawar RM320
 D Cek yang diterima daripada Syarikat Mawar RM320 adalah cek tak laku

SPM 2010

13. Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?

- A Diskaun diterima
 B Pulangan masuk
 C Hutang lapuk
 D Jualan

SPM 2012

14. Petikan Buku Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.


Buku Tunai					
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2010		RM	RM		
Feb. 6	Realsmart Ent.	150		450	

Akaun manakah yang menunjukkan catatan yang betul untuk pengeposan diskaun tunai ke lejar?

- A** **Akaun Diskaun Diterima**
- | | | |
|--------------------------|-----|--|
| 2010 | RM | |
| Feb. 6 Akaun Belum Bayar | 150 | |
- B** **Akaun Diskaun Diberi**
- | | | |
|--------------------------|-----|--|
| 2010 | RM | |
| Feb. 6 Akaun Belum Bayar | 150 | |
- C** **Akaun Diskaun Diterima**
- | | |
|--------------------------|-----|
| 2010 | RM |
| Feb. 6 Akaun Belum Bayar | 150 |
- D** **Akaun Diskaun Diberi**
- | | |
|--------------------------|-----|
| 2010 | RM |
| Feb. 6 Akaun Belum Bayar | 150 |

SPM 2010

15. Maklumat berikut berkaitan pembahagian lejar.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Akaun Perorangan	Akaun Bukan Perorangan
B	Akaun Bukan Perorangan	Akaun Perorangan
C	Lejar Am	Lejar Subsidiari
D	Lejar Subsidiari	Lejar Am

SPM 2010

16. Perniagaan Aslam mendapati bahawa cek yang diterima daripada Kedai Molly adalah cek tak layan. Bagaimana perkara tersebut direkod?

	Akaun Didebit	Akaun Dikredit
A	Bank	Kedai Molly
B	Kedai Molly	Bank
C	Bank	Perniagaan Aslam
D	Perniagaan Aslam	Kedai Molly

SPM 2010

17. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Azura pada 30 Jun 2010.

Akaun Kawalan Belum Terima			
	RM		RM
Baki b/b	500	Bank	2 700
Jualan	9 000	Pulangan jualan	300
X	390	Hutang lapuk	140
		Baki h/b	6 750
	<u>9890</u>		<u>9 890</u>

Apakah X?

- A Faedah
- B Kontra
- C Angkutan masuk
- D Diskaun diterima

SPM 2010

18. Petikan akaun berikut diperoleh daripada Lejar Kedai Saleha.

Maziah		
	2011	RM
	Jan. 1 Baki b/b	1 500

Apakah urus niaga bagi menerangkan catatan di atas?

- A Kedai Saleha berhutang RM1 500 daripada Maziah
- B Maziah membayar RM1 500 kepada Kedai Saleha
- C Kedai Saleha membayar RM1 500 kepada Maziah
- D Maziah berhutang RM1 500 daripada Kedai Saleha

SPM 2011

19. Urus niaga berikut berlaku dalam perniagaan kepunyaan Encik Ali.

Encik Ali mengambil barang niaga bernilai RM100 daripada perniagaannya untuk kegunaan peribadi.

Apakah catatan bergu yang terlibat dalam urus niaga tersebut?

- A Debit Akaun Tunai
Kredit Akaun Inventori
- B Debit Akaun Ambilan
Kredit Akaun Belian
- C Debit Akaun Ambilan
Kredit Akaun Tunai
- D Debit Akaun Tunai
Kredit Akaun Belian

SPM 2011

20. Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diambil daripada Kedai Runcit Mesra.

Menerima pinjaman bank sebanyak RM20 000

Catatan manakah yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Akaun Pinjaman Bank	Akaun Bank
B	Akaun Bank	Akaun Pinjaman Bank
C	Akaun Modal	Akaun Pinjaman Bank
D	Akaun Bank	Akaun Modal

SPM 2013

21. Jurnal Pulangan Jualan berikut diambil daripada buku pemborong buah-buahan.

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Debit
2011		RM
April 14	Fatin	90
15	Linda	10
30	Jumlah Pulangan Jualan	100

Bagaimanakah catatan yang betul dalam Akaun Pulangan Jualan?

A **Akaun Pulangan Jualan**

	2011 RM
	April 30 Akaun Belum Terima 100

B **Akaun Pulangan Jualan**

2011 RM	
April 14 Fatin 90	
15 Linda 10	

C **Akaun Pulangan Jualan**

	2011 RM
	April 14 Fatin 90
	15 Linda 10

D **Akaun Pulangan Jualan**

2011 RM	
April 30 Akaun Belum Terima 100	

SPM 2011

22. Akaun Kawalan berikut diperolehi daripada Syarikat Suri.

Akaun Kawalan Belum Terima

2011 RM	2011 RM
Jan. 31 Jualan 18 500	Jan. 1 Baki b/b 175
	31 Bank 15 000
	Kontra 360
	Z 200
	Baki h/b 2 765
Feb. 1 Baki b/b 2 765	18 500

Apakah Z?

- A** Angkutan
- B** Pulangan masuk
- C** Diskaun diterima
- D** Hutang lapuk terpulih

SPM 2011

23. Akaun berikut yang diperoleh daripada Kedai Buku Tab akan dikelaskan kepada dua jenis lejar.

Akaun Perabot	
Kedai Perabot Lim	RM 520
Kedai Perabot Lim	
	Perabot RM 520

Apakah jenis lejar tersebut?

	Akaun Perabot	Kedai Perabot Lim
A	Lejar Am	Lejar Belian
B	Lejar Am	Lejar Am
C	Lejar Belian	Lejar Am
D	Lejar Belian	Lejar Belian

SPM 2012

24. Kedai Runcit Maju membeli perabot secara tunai daripada Kedai Perabot Jaya untuk kegunaan perniagaan.

Catatan manakah yang betul?

- A** Debit Akaun Belian
Kredit Akaun Tunai
- B** Debit Akaun Perabot
Kredit Akaun Tunai
- C** Debit Akaun Belian
Kredit Kedai Perabot Jaya
- D** Debit Akaun Perabot
Kredit Kedai Perabot Jaya

SPM 2013

25. Encik Wong telah membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan. Manakah catatan bergu yang betul?

	Akaun didebit	Akaun dikredit
A	Lekapan	Modal
B	Modal	Lekapan
C	Alatan pejabat	Modal
D	Modal	Alatan pejabat

SPM 2014

26. Salmah menjelaskan hutang sebanyak RM1 000 kepada Pembekal Izam dengan cek selepas mengambil kira diskaun tunai.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Bank Diskaun diterima	Pembekal Izam
B	Bank	Pembekal Izam Diskaun diterima
C	Pembekal Izam Diskaun diterima	Bank
D	Pembekal Izam	Bank Diskaun diterima

SPM 2014

27. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Jihan.

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2014		RM
Jan. 9	Store Amani	1 200
20	Samad Enterprise	700
31	Akaun Jualan	1 900

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Jualan?

A

Akaun Jualan		
2014		RM
Jan 31	Store Amani	1 200
	Samad Enterprise	700

B

Akaun Jualan		
2014		RM
Jan 31	Jualan kredit	1 900

C

Akaun Jualan		
2014		RM
Jan 31	Akaun Belum Terima	1 900

D

Akaun Jualan		
2014		RM
Jan 31	Jualan	1 900

Ubahsuai SPM 2014

28. Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diambil daripada Kedai Ezy Stationery.

Akaun Kawalan Belum Bayar

2013		RM	2013		RM
Dis. 31	Bank	10 890	Jan. 1	Baki b/b	2 120
	Diskaun	420	Dis. 31	S	11 750
	Baki h/b	2 560			
		<u>13 870</u>			<u>13 870</u>

Apakah S?

- A Belian
- B Kontra
- C Pulangan Belian
- D Angkutan Keluar

SPM 2014

29. Petikan Buku Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Bank	
2014		RM	
Mac 7	Johan Enterprise	700	

Bagaimanakah catatan pengeposan ditunjukkan dalam lejar?

A

Johan Enterprise			
2014		RM	
Mac 7	Bank	700	

B

Johan Enterprise			
		2014	RM
		Mac 7	Bank
			700

C

Johan Enterprise			
		2014	RM
		Mac 7	Tunai
			700

D

Johan Enterprise			
2014		RM	
Mac 7	Tunai	700	

SPM 2014

30. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Kedai Perabot Muhibbah.

Akaun Sewa

2015		RM	2015		RM
Mei 31	Bank	540	Mei 31	Untung Rugi	340
				Sewa prabayar	200

Pernyataan manakah yang menerangkan catatan di atas?

- A** Sewa telah dibayar adalah RM340
B Sewa yang akan dibayar adalah RM540
C Sewa yang terlebih bayar adalah RM200
D Sewa yang sepatutnya dibayar adalah RM200

Ubahsuai SPM 2015

31. Pilih langkah mengimbangkan akaun mengikut urutan yang betul.

- I Jumlahkan kedua-dua lajur debit dan kredit
 II Cari perbezaan antara lajur debit dengan lajur kredit
 III Catatkan perbezaan itu sebagai baki hantar ke bawah
 IV Ambil jumlah yang lebih besar dijadikan sebagai jumlah kedua-dua lajur

- A** I, III, IV, II
B I, IV, II, III
C IV, I, II, III
D IV, I, III, II

SPM 2016

32. Dokumen 2 diambil daripada Kedai Bunga Ria.

MEMO	
Kedai Bunga Ria No. 52 Jalan 723 09600 Lunas Kedah	
Tarikh: 21 Julai 2015	
Peringatan: Pemilik mengeluarkan 30 kuntum bunga bernilai RM50 untuk didermakan kepada SK Lunas.	
Pengurus <i>Liya</i>	

Dokumen 2

Catatan manakah yang betul?

A	Akaun Ambilan		
	2015 Jul. 21 Belian	RM 50	
Akaun Belian			
		2015 Jul. 21 Ambilan	RM 50


B	Akaun Derma		
	2015 Jul. 21 Belian	RM 50	
Akaun Belian			
		2015 Jul. 21 Derma	RM 50

C	Akaun Ambilan		
			2015 Jul. 21 Belian
Akaun Belian			
2015 Jul. 21 Ambilan	RM 50		

D	Akaun Derma		
			2015 Jul. 21 Belian
Akaun Belian			
2015 Jul. 21 Derma	RM 50		

SPM 2015

33. Rajah 1 berkaitan dengan pembahagian akaun.



Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Akaun Modal	Akaun Ambilan
B	Akaun Jualan	Akaun Belian
C	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum Terima
D	Akaun Kadar Bayaran	Akaun Dividen

SPM 2016

34. Pasar Mini Rin membayar hutang kepada Syarikat Suria sebanyak RM300 dengan tunai. Apakah catatan bergu dalam buku Pasar Mini Rin?

	Debit	Kredit
